

#### **ISI KEEMPAT**

Sambungan daripada isi ketiga, kita dapat menunjukkan secara ringkas perkara yang dipertikaikan oleh syiah dan sunnah serta telah dibesarkan sehingga ke suatu tahap di mana ia telah dimasukkan ke dalam buku mengenai doktrin asas sesuatu kepercayaan.

Sunnah ada menyebutkan: "Ali (RA) adalah khalifah Khulafa' Ar-Rasyidin yang keempat. Abu Bakar As-Siddiq (RA) yang lebih tinggi kedudukannya dan lebih layak untuk menjadi khalifah. Oleh itu, jawatan khalifah diberikan kepadanya dahulu." (2) Manakala Syiah pula mengatakan: " jawatan khalifah itu adalah hak Ali. Suatu kezaliman (ketidak adilan) telah berlaku ke atas dirinya. Ali adalah orang yang paling layak jika dibandingkan dengan mereka semua. Ringkasan daripada pertikaian terhadap dakwaan mereka adalah seperti berikut: Mereka berkata, " Hadis Rasulullah (SAW) tentang 'Ali, (3) gelaran Ali sebagai Sah-I Walayat (sultan para wali) mendapat pengiktirafan daripada golongan majoriti dalam kalangan wali-wali dan golongan Tarekat dan dengan ilmu pengetahuannya yang luar biasa, keberaniannya dan dirinya yang penuh perhambaan, Rasulullah (SAW) telah memberi perhatian yang tinggi kepada dirinya serta keturunannya, kesemuanya menunjukkan bahawasanya Ali merupakan yang paling layak. Jawatan Khalifah sepatutnya menjadi haknya, tetapi ia telah dirampas daripada dirinya."

Jawapan : Hakikat bahawa 'Ali (RA) telah bersetuju dengan lantikan tiga orang khalifah yang terdahulu di mana mereka telah berulang kali diiktiraf oleh beliau,(4) manakala beliau pula telah memegang jawatan Sheikh al-Islam. Oleh itu, hal ini telah menyangkal dakwaan syiah. Tambahan pula, dengan kemenangan Islam dan kesungguhan beliau menentang musuh ketika zaman pemerintahan tiga orang khalifah yang pertama dan perkara-perkara yang berlaku ketika zaman pemerintahan Ali juga telah menyangkal dakwaan Syiah dari sudut pandangan pemerintahan Khalifah Islam. Maka dengan ini dapat dikatakan dakwaan sunnah adalah benar.

Dengan itu, terdapat 2 jenis golongan Syiah , iaitu "Syiah Walayat" dan "Syiah Khalifah", disebabkan mereka telah mencampur-adukkan kebencian dengan politik , ketidak adilan boleh terjadi pada kumpulan kedua. Tetapi kumpulan pertama tidak mempunyai kaitan dengan perjuangan politik. Walaubagaimanapun, 'Syiah Walayat' telah bergabung dengan 'Syiah Khalifah'. Ini bermakna, segelintir daripada wali-wali sufi memandang 'Ali sebagai seorang yang lebih tinggi kedudukannya dan mereka menyokong dakwaan Syiah Khalifah.'

Jawapan: 'Ali (RA) perlu dipertimbangkan dengan dua penghormatan. Yang pertama adalah dari sudut kesempurnaan dirinya dan kedudukannya , dan yang keduanya adalah dari sudut dirinya yang menunjukkan personaliti kolektif (sahs-i ma'navi) dari kalangan keluarga Nabi (Al Bayt). Merujuk kepada personaliti kolektif ini, beliau mempamerkan satu aspek semula jadi yang ada pada Nabi (SAW) yang mulia.

Dengan itu, berkenaan isi pertama, 'Ali sendiri beserta orang-orang yang benar telah memberi keutamaan kepada Abu Bakr dan Umar. (5) Mereka melihat kedudukan mereka tinggi untuk berkhidmat kepada islam dan hubungan mereka yang hampir dengan Allah SWT. Manakala untuk isi kedua , sifat beliau yang mempunyai personaliti kolektif dari kalangan keluarga Rasulullah (SAW), juga mewakili aspek kebenaran Muhammad, 'Ali tidak sama untuk dibandingkan. Hadis yang amat memuji 'Ali (6) adalah merujuk kepada isi kedua ini. Terdapat riwayat yang menguatkannya: Nabi yang mulia telah menetapkan: " Keturunan setiap nabi adalah dari dirinya. Keturunan aku adalah dari Ali".

Alasan mengapa hadis yang memuji Ali melebihi daripada tiga khalifah telah tersebar luas ialah kerana golongan benar, iaitu sunnah telah menyebarkan banyak riwayat tentang beliau sebagai

respon kepada Umayyah dan Khawarij yang menyerang dan mencaci Ali secara tidak adil. Manakala khalifah yang lainnya tidak pula menerima kritikan dan umpatan seperti itu, maka tiada keperluannya untuk menyebarkan hadis tentang mereka.

Tambahan pula, Nabi (SAW) telah melihat dengan pandangan kenabiannya tentang kejadian sedih dan perselisihan dalaman yang akan dilalui oleh Ali pada masa hadapan. Oleh itu, untuk mengelakkan beliau daripada bersedih dan diberikan pandangan yang buruk oleh komunitinya, baginda telah menghiburkannya dan memberi panduan kepada komunitinya dengan hadis seperti **مَنْ كُنْتُ مَوْلَاهُ فَكُلِّي مَوْلَاهُ** “Sesiapa yang menganggap diriku sebagai ketuanya, ‘Ali juga adalah ketuanya”. (8)

Kecintaan yang begitu mendalam terhadap Ali (RA) oleh Shiah Walayat serta pengaruh fahaman Sufi, - pandangan mereka terhadap ketinggian taraf kedudukan Ali, tidak membuatkan mereka bertanggungjawab terhadap kedudukan Shiah Khalifah. Mereka yang mengikuti cara pandangan Syiah Walayat melihat panduan kerohanian dengan kasih sayang, dan tanda kasih sayang mereka adalah berlebihan, (9); mereka mahu melihat orang yang dikasihi itu mendapat kedudukan yang lebih. Maka begitulah bagaimana beliau diperhatikan oleh mereka. Kegembiraan boleh dimaafkan melalui cinta yang berlebihan. Maka mereka berpandangan Ali lebih berkelayakan kerana cinta mereka boleh diketepikan dengan syarat ianya tidak bertukar kepada penghinaan ke atas khalifah yang benar dan permusuhan terhadap mereka, dan tidak pula melampaui ajaran asas Islam.

Berkenaan Syiah Khalifah , apabila politik yang prejudis telah mengawal mereka , mereka tidak lagi boleh menghilangkan kebencian yang melampaui batas, oleh itu hak mereka telah dilucutkan

sebagai alasan. Malah hal ini mengesahkan kata-kata **لَا يَحِبُّ عَلَيَّ بَلْ يُعْصِي عَمَّرَ** “bukan kerana cinta kepada Ali, tetapi benci terhadap Umar”, disebabkan kebanggaan dan kemegahan orang-orang Parsi dilukai oleh tangan Umar,(10) mereka telah menunjukkan dendam mereka dalam bentuk kecintaan terhadap Ali. Sama juga seperti pemberontakan Amr Al-Asr menentang Ali dan perang tragik Umar ibn Al-Saad menentang Husain(11), menyebabkan kemarahan dan permusuhan Syiah yang mendalam terhadap nama Umar.

Syiah Walayat tidak mempunyai hak untuk mengkritik Sunnah, jika Sunnah tidak menggemarkan Ali, sesungguhnya mereka kasih kepadanya. Bagaimanapun mereka mengelakkan diri mereka daripada cinta yang berlebihan yang mana ia adalah sesuatu yang berbahaya sepetimana yang disebutkan dalam Hadis.(12) Rasulullah (SAW) memuji para pengikut ‘Ali seperti di dalam Hadis (13) , merujuk kepada Sunnah. Sunnah adalah dari kalangan pengikut Ali yang mencintainya secara sederhana; mereka adalah orang-orang yang benar. Seperti juga cinta yang berlebihan terhadap Isa (alaihissalam) adalah berbahaya bagi penganut Kristian, maka ianya telah dijelaskan didalam hadis sahih bahawa cinta berlebihan terhadap Ali itu berbahaya. (14)

Jika Shiah Walayat berkata : “Sekiranya ketinggian pencapaian kerohanian Ali diterima, adalah mustahil untuk memberikan keutamaan kepada Abu Bakar As-Siddiq.”

Jawapan: Ia seperti kesempurnaan diri Abu Bakar as-Siddiq dengan ketinggian ketulusannya, dan Umar seorang pemisah antara yang haq dan batil (RA), diletakkan di dalam sebuah bekas timbangan beserta kejayaan mereka ketika menjadi khalifah berdasarkan prestasi tugas yang diwarisi dari Rasulullah(SAW). Manalaka di dalam bekas yang satu lagi pula diletakkan kesempurnaan peribadi Ali yang luar biasa beserta perjuangan dalamannya sebagai khalifah berpunca dari kejadian tragis yang terpaksa dilaluinya telah menjadi objek syak wasangka serta kecurigaan. Sunnah melihat

bekas timbangan Abu Bakr atau Umar atau Uthman adalah lebih berat, oleh itu mereka telah diberi keutamaan.

Tambahan pula, seperti yang telah dibuktikan dalam “Kata-kata kedua belas dan kedua puluh Empat (*Twelfth and Twenty-Fourth Words*), kenabian adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan Walayat, di mana manifestasinya yang kecil adalah lebih tinggi berbanding manifestasi besar oleh walayat. Sehubungan dengan itu, kejayaan “Si Tulus” dan “Si Pemisah antara hak dan batil” ketika mereka menjadi khalifah adalah merupakan satu rujukan bagi Sunnah atas sumbangan mereka di dalam legasi kenabian (15), serta penggubalan undang-undang sebagai kurniaan Ilahi. Kesempurnaan peribadi Ali tidak dapat menyingkirkan bahagian yang besar itu, yang mana telah diwarisi daripada Rasulullah (SAW), dia telah bertindak sebagai Syeikhul Islam untuk Abu Bakar dan Umar, dua orang lelaki yang terkenal lagi dihormati pada zaman pemerintahan mereka sebagai khalifah, yang mana Ali juga menyanjungi mereka. Bagaimanakah pula Sunnah yang menyintai dan menyanjungi Ali, tidak menyintai dan menyanjungi kedua-dua lelaki yang terkenal lagi dihormati, iaitu orang-orang yang dicintai dan disanjungi oleh Ali? Marilah kita jadikan kebenaran ini lebih jelas dengan memberikan satu contoh:

Salah seorang anak dari seorang lelaki yang amat kaya telah diberi 20 *batman* (16) diperbuat dari perak dan 4 *batman* dari emas daripada legasi bapanya, dan seorang anak yang lainnya diberi 5 perak dan 5 emas. Sekiranya anaknya yang ketiga itu diberi 3 perak dan 5 emas, maka semestinya dua orang anaknya yang terakhir itu menerima jumlah yang sedikit, tetapi lebih berkualiti. Seperti contoh ini, semakin kurang jumlah perkongsian kesucian emas kebenaran oleh dua beradik itu, ianya adalah dimanifestasikan dalam legasi kenabian dan penggubalan undang-undang. Timbangannya akan menjadi lebih berat menghampiri keilahian dan kesempurnaan walayat yang telah terpancut keluar daripada permata walayat. Isi-isi ini juga perlu diambil kira apabila mempertimbangkannya (17). Tetapi sekiranya mereka dibandingkan dengan sesuatu selain daripada aspek keberanian diri, pengetahuan, dan walayat, perkara tersebut akan menjadi suatu keadaan kompleks yang berbeza.

Juga, tidak ada perbandingan berhubung dengan personaliti kolektif keluarga Rasulullah (SAW) yang telah wujud dalam diri Ali (RA), dan kebenaran Muhammad yang telah dimanifestasikan sebagai perwarisan sepenuhnya di dalam personaliti kolektif itu. Terkandung di dalamnya misteri besar tentang Nabi Muhammad (SAW).

Manakala bagi Syiah Khalifah, mereka tidak boleh mendakwa bahawa mereka mempunyai hak terhadap Sunnah selain daripada malu. Walaupun mereka mengatakan mereka mencintai Ali (RA) dengan mendalam, mereka juga telah merendahkan-rendahkannya. Mereka berpegang pada kepercayaan dengan menuduhnya tidak bermoral. Mereka berkata bahawa walaupun Abu Bakar As-Siddiq dan Umar berkelakuan tidak adil, Ali telah berpura-pura bersetuju akan kebenaran mereka; berdasarkan kepada istilah Syiah, dia telah berselindung. Ini bermakna beliau telah ditakutkan oleh mereka dan beliau berkelakuan hipokrit. (18) Tetapi ini bukanlah suatu kecintaan mereka untuk mengatakan seseorang yang dianggap pahlawan islam, bergelaran Singa Allah (Asadullah), (19) dan seorang panglima serta pembimbing kepada keimanan berpura-pura mengasihi orang yang tidak disayanginya disebabkan rasa takut dan membuat penipuan, berpura-pura membenarkan mereka selama lebih 20 tahun di dalam ketakutan, serta mengikuti orang yang melakukan kesalahan. Ali (AR) akan menafikan cinta yang seperti itu.

Maka, orang-orang yang mempercayai kebenaran sama sekali tidak memperkecilkan Ali, atau menuduhnya tidak bermoral. Sesungguhnya beliau tidak mempunyai sifat pengecut malah memamerkan keberanian yang luar biasa. Tetapi sekiranya Ali tidak menganggap Khalifah itu benar, beliau tidak akan mengiktiraf mereka walau seminit sekalipun, juga tidak akan mentaati mereka. Ini bermakna beliau beranggapan bahawa mereka adalah benar dan lebih disukai, maka dengan keberaniannya beliau telah berusaha menuju ke arah keadilan.(20)

Secara ringkas: Terlalu berlebihan atau terlalu kurangnya akan sesuatu perkara (ifrat,tafrit) adalah tidak baik. Kesederhanaan adalah jalan pertengahan (21) dan telah dipilih oleh sunnah. Tetapi, malangnya pemikiran Wahhabi dan khawarij telah menyusup masuk Sunnah sehingga ke satu tahap; juga kerana terlalu ketagihan politik dan segelintir atheis pula mengkritik Ali. Mereka berkata , Allah menjauhkan, bahawa beliau tidak memahami politik, maka beliau tidak bernilai langsung sebagai seorang khalifah serta tidak berupaya untuk mentadbir. Disebabkan oleh tuduhan yang tidak adil ini, Alawi merasa dihina oleh Sunnah. Manakala Sunnah pula tidak memegang prinsip atau kepercayaan asas yang memerlukan pemikiran yang sedemikian. Sesungguhnya, mereka membuktikan sebaliknya. Sunnah tidak boleh dikutuk disebabkan pemikiran yang berasal dari khawarij dan atheist. Sesungguhnya, Sunnah adalah pengikut Ali yang kuat berbanding Alawi. Mereka menyebut Ali dengan pujian yang layak baginya didalam semua khutbah dan doa mereka . Para wali dan asfiya yang sebahagian besarnya berfahaman Sunnah, mengenali beliau sebagai seorang pembimbing kerohanian dan sah-l walayat (22). Alawi sepatutnya mengabaikan Khawarij dan atheist yang layak menerima permusuhan oleh kedua-dua pihak Alawi dan Sunnah, dan tidak mengambil bahagian menentang orang yang benar. Sesetengah Alawi telah mengabaikan Sunnah Nabi (SAW) kerana marahkan Sunnah. Walau apapun, kita telah memperkatakan dengan banyak tentang perkara ini, sedangkan perkara ini telahpun dibincangkan secara panjang lebar oleh ulama Islam.

**Wahai Sunnah, orang-orang yang benar, dan Alawi pencinta keluarga Rasulullah (SAW). Segeralah meletakkan pengakhiran untuk perkara yang tidak bermakna ini, juga ketidaksetiaan , ketidakadilan dan pertikaian yang merosakkan di antara kamu. Jika tidak, golongan ateis pada masa ini begitu berpengaruh yang akan menjadikan salah satu di antara kalian sebagai senjata untuk menentang yang lain, dan menghancurkan yang lain. Dan setelah itu, mereka akan menghapuskan senjatanya pula. Sebagai orang yang beriman dalam perpaduan keilahian, adalah sangat penting bagi kalian untuk meninggalkan perkara yang remeh-temeh yang akan menyebabkan perpecahan, oleh kerana terdapat ratusan asas ikatan suci di antara kalian yang menghubungkan persaudaraan dan perpaduan.**

*(dari pada Al-Lamaat)*